

Hargai pengorbanan ibu bapa: Raja Perlis

BH/23.4.12/M4.1/G/ Raja Perlis

GORGETOWN: Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail sebak ketika mengingatkan rakyat, terutama graduan supaya menghargai segala pengorbanan yang dilakukan ibu bapa sehingga mampu berjaya seperti hari ini.

Baginda yang juga Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) bertitah, masyarakat hari ini didapati tidak lagi menghargai pengorbanan ibu bapa sehingga tergamak membiarkan seorang ibu seorang diri selama beberapa hari di sebuah hotel bajet di ibu negara, baru-baru ini serta meninggalkan seorang bapa sendirian di sebuah pusat rawatan dialisis di Kangar, kira-kira dua tahun lalu.

Beliau bertitah, sehubungan itu, setiap rakyat perlu kembali mengamalkan budaya Timur dan menghargai nilai kekeluargaan.

“Kita seharusnya sedar sekiranya kita tidak mampu menjaga ibu bapa dan keluarga, maka sukar untuk kita mendapat berkat, apatah lagi untuk menghargai orang lain, menjaga ins-

titusi, jabatan atau negara.

“Jika nilai keluarga runtuh, payah untuk kita membina kasih sayang, membudayakan sikap saling hormat menghormati dan memastikan nilai lain terpelihara. Inilah asas yang perlu diingat dan dipertahankan supaya ilmu pengetahuan yang diperoleh di universiti membawa makna sepanjang hayat.

“Selepas ini nanti, ciumlah tangan ayah bonda. Peluklah mereka dan berjanjilah untuk menjaga mereka dengan sempurna,” titahnya pada majlis Konvokesyen USM ke-45 di sini, kelmarin. Hadir sama, Naib Canselor USM, Profesor Datuk Omar Osman.

Majlis konvokesyen sehari itu menyaksikan seramai 941 graduan menerima ijazah masing-masing dengan Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan dianugerahkan kepada Tan Sri Profesor Emeritus Gajaraj Dhanarajam manakala Profesor Emiritus kepada Profesor Fun Hoong Kun.

Hoong Kun adalah pelopor pendidikan jarak jauh dan pembelajaran



TUANKU Syed Sirajuddin (dua dari kiri) beramah mesra dengan penerima Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan Tan Sri Datuk Profesor Emeritus Gajaraj Dhanarajan (kiri) sambil diperhatikan Omar (kanan) dan Hoong Kun pada konvokesyen ke-45 di USM, semalam.

terbuka yang bertanggungjawab membangun pengajian luar kampus dalam bidang sains sehingga membolehkan USM menjadi universiti terawal menawarkan pengajian jarak jauh di Asia.

Fun pula adalah ahli kristalografi

ke-11 paling dirujuk di dunia, bertanggungjawab menubuhkan Unit Kristalogi Sinar-X di USM pada 1987 yang diiktiraf antara pusat kemudahan penentuan sinar-X terbaik di Asia serta menjadi rujukan penyelidikan luar.